

(5) Kaedah Pelantikan Syarikat Bagi Perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)*<sup>8</sup>

(iii) Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak memberi butir-butir kontrak yang dirujuk di dalam syarat-syarat kontrak. Sebahagian daripadanya adalah berhubung dengan perkara-perkara di mana maklumat perlu diisi/diberikan sama ada dengan mengisi di Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak atau dengan memasukkan peruntukan yang sewajarnya ke dalam spesifikasi atau senarai kuantiti. Perkara-perkara ini adalah berkenaan dengan:

(1) Jawatan pegawai yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Kerajaan bersabit dengan ganti rugi kerana tak siap, kelambatan dan lanjutan masa, penamatan pengambilan kerja kontraktor, kesan perang atau gempa bumi, dan timbang tara<sup>9</sup> [Klausa 4.1 (a)]

(2) Jawatankuasa/pegawai yang diberi kuasa meluluskan kerja perubahan.<sup>10</sup> [Klausa 4.1 (b)]

(3) Amaun minimum insurans yang dikehendaki bagi liabiliti terhadap pihak ketiga, amaun yang hendak ditambah kepada nilai penuh Harga Kontrak bagi insurans kerja, dan amaun fasal lebihan yang dibenarkan bagi liabiliti terhadap pihak ketiga dan insurans kerja [Klausa 15, 15.1(b) 18 & 18(b)]

(4) Tarikh Tender (Klausa 21.2).

(5) Nilai minima kerja yang perlu dilaksanakan sebelum Perakuan Bayaran Interim pertama dikeluarkan (Klausa 28.1)

(6) Nilai kerja yang perlu dilaksanakan sebelum Perakuan Bayaran Interim berikutnya dikeluarkan (Klausa 28.2)

---

<sup>8</sup> Surat Arahan Perbendaharaan Bertarikh 31 Julai 2009

<sup>9</sup> Surat Arahan KPKR bil.(24) JKR.KPKR.020.050/03 klt.7 bertarikh 4 Oktober 2006

<sup>10</sup> Surat Arahan KPKR Bil 5/2008 bertarikh 24 Oktober 2008